

# Ahli UMNO jangan tumpu isu remeh

KOTA BHARU 8 Julai - Semua ahli UMNO diminta tidak terlalu memberi perhatian kepada isu-isu yang remeh-temeh sebaliknya memfokuskan kepada agenda menjayakan Misi Nasional.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, Misi Nasional yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) adalah jauh lebih mustahak kerana ia merupakan kesinambungan kepada usaha untuk mencapai Wawasan 2020 serta penerusan kepada agenda Melayu.

"Ahli-ahli UMNO perlu ingat yang kita orang Melayu sudah banyak kali menghabiskan masa untuk memperbetulkan perpecahan sedangkan masa-masa tersebut adalah sangat berharga untuk kita.

"Justeru, jangan biarkan sekali lagi parti kita berpecah. Kita mesti bersatu padu kerana perpaduan inilah yang perlu kita berikan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan kerajaan untuk memacu negara dan bangsa ke arah kecemerlangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perjumpaan khas dengan ahli-ahli UMNO Bahagian Kota Bharu anjuran UMNO bahagian tersebut di sini hari ini.

Program itu turut dihadiri Pemangku Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Datuk Mohd. Fatmi Che Salleh serta pemimpin-pemimpin UMNO dari Kelantan dan Melaka.

Tambah Mohd. Ali, isu yang ditimbulkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebenarnya tidak perlu diperbesarkan lagi kerana kebanyakan daripada yang dibangkitkannya itu adalah sesuatu yang biasa disebabkan pendekatan berbeza hasil daripada perubahan kepimpinan.

"Ini perkara biasalah, bila berubah kepimpinan akan adalah perubahan sedikit sebanyak. Tidak ada apa yang perlu diperbesarkan, lagi pula ini bukan melibatkan dasar kerana matlamat kerajaan sekarang tetap sama iaitu untuk menuju Wawasan 2020," katanya.

Pada sidang akhbar kemudiannya, Mohd. Ali mengumumkan UMNO Bahagian Kota Bharu akan dijadikan sebagai bahagian angkat kepada Badan Perhubungan UMNO Melaka.

Katanya, ini selaras dengan keputusan Majlis Tertinggi UMNO baru-baru ini yang memutuskan supaya setiap badan perhubungan mengambil satu bahagian di negeri ini sebagai bahagian angkat.